

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

TARIKH : 06 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah Orang Kurang Upaya (OKU) dan ibu tunggal yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) setakat ini. Daripada itu, berapakah mereka yang layak menerima bantuan secara 'one-off' sebanyak RM300.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) diberi tanggungjawab melaksanakan Bantuan Khas kepada Orang Kurang Upaya (OKU) dan Ibu Tunggal di bawah inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang telah diumumkan pada 5 Jun 2020 yang lalu.

Berdasarkan statistik Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (*eBantuanJKM*) sehingga Julai 2020, seramai 190,000 OKU layak menerima Bantuan Khas Orang Kurang Upaya PENJANA. Kadar Bantuan Khas ini adalah sebanyak RM300 secara *one-off* (dengan izin).

Bagi melaksanakan tanggungjawab ini Kementerian Kewangan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM57 juta. Bantuan Khas ini merupakan bantuan bersasar yang dikhususkan kepada penerima bantuan di bawah skim Bantuan Kewangan Bulanan OKU iaitu Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Bekerja (BTB) dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT).

Sehingga 5 Ogos 2020, bagi fasa 1, seramai 185,770 orang (97%) telah menerima Bantuan Khas ini dengan jumlah peruntukan yang telah disalurkan sebanyak RM55.7 juta. JKJM kini sedang memproses bagi pembayaran fasa 2 kepada seramai 4,230 penerima baru bagi bulan Jun, Julai dan Ogos 2020 dengan peruntukan sebanyak RM1.3 juta. Bayaran akan diterima selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2020.

Manakala jumlah ibu tunggal yang berdaftar dengan JKJM adalah 30,500 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 16,638 Ibu Tunggal telah diluluskan dalam fasa 1 untuk menerima Bantuan Khas Ibu Tunggal berupa bayaran secara *one-off* (dengan izin) sebanyak RM300 seorang. Jumlah selebihnya akan dipertimbangkan dalam fasa seterusnya.